



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 24 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	HAPUS BOT VIETNAM CURI SOTONG, NEGARA, KOSMO -17 30,000 EKOR BENIH IKAN BAUNG SUNGAI DILEPASKAN, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4. 5. 6. 7. 8.	INISIATIF BERSEPADU BANTU PESAWAH BUKAN AD HOC, DALAM NEGERI, UM -10 CUACA TERIK, BUNGA HARUMANIS LEBAT, NEGARA, KOSMO -14 MISI GRADUAN EKOLOGI BIODIVERSITI, LOKAL, HM -18 FARM OFFERS FRESH PRODUCE, LESSONS IN AGRICULTURE, NEWS, THE SUN -4 287,000 WORKERS REGISTER FOR SELF-EMPLOYED SCHEME, NEWS, THE STAR -5 '4,862 IN AGRICULTURAL SECTOR REPORTED RM35.5mil IN LOSSES TO FLOODS', NEWS, THE STAR -5	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDAK	RUANGAN	MUKA
SURAT			
24/3/2023	KOSMO	NEGARA	17



## Hapus bot Vietnam curi sotong

**KUALA TERENGGANU** — Maritim Malaysia (APMM) semalam memusnahkan dua buah bot nelayan Vietnam yang dirampas ketika mereka menceroboh perairan negara bagi mencuri hasil laut untuk dibawa pulang ke negara mereka.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Mohd. Khairulamuar Abd. Majid berkata,

ta, tindakan itu dilakukan selepas mendapat perintah luncur hak oleh mahkamah sebelum ini.

"Pelupusan ke atas dua bot nelayan Vietnam terabit merupakan kali pertama dilaksanakan APMM Terengganu pada tahun ini.

"Kita menggunakan jentolak

70 tan itu," katanya di sini semalam.

Mohd. Khairulamuar berkata,

dua bot itu dirampas ketika digunakan sekumpulan 12 nelayan Vietnam untuk mencandat sotong secara haram di kedudukan 112 dan 181 kilometer dari Kuala Terengganu tahun lalu. Pelupusan dilakukan mengikut Seksyen 15(0)(a) Akta Perikatan 1985.

**SALAH** sebuah bot nelayan Vietnam yang dimusuahkan menggunakan jentolak oleh APMM di Kuala Terengganu semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2023	KOSMO	NEGARA	18

# 30,000 ekor benih ikan baung sungai dilepaskan

KOTA TINGGI — Sebanyak 30,000 ekor benih ikan baung sungai dianggarkan bernilai RM30,000 dilepaskan ke perairan umum daerah ini bagi meningkatkan stok dan memperkayakan sumber di perairan sungai itu.

Pengarah Perikanan Negeri Johor, Zainudin Abd. Wahab berkata, pelepasan sejumlah benih ikan itu adalah antara perunitukan yang disalurkan kerajaan negeri yang kepada jabatan berkenaan.

Menurutnya, ia adalah usaha dan inisiatif Jabatan Perikanan dalam melestarikan sumber perikanan semula jadi. "Apa yang kita lakukan ini, adalah bagi mendapatkan hasil yang boleh dinikmati oleh orang ramai serta kumpulan sasar khususnya komuniti perikanan darat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Program pelepasan benih ikan itu dilaksanakan bersama Komuniti Perikanan Darat Sungai Semipadan di sini.

Turut hadir, Ketua Daerah Perikanan Kota Tinggi, Muhammad Idham Legiman dan Ketua Jaringan Perikanan (KJP) Mawai, Nazli Sazali.

Turut diadakan pada program



**KAKITANGAN** Jabatan Perikanan Johor melepaskan benih ikan baung bagi memperkayakan sumber perairan di Kota Tinggi semalam.

perikanan semula jadi setempat dan negara.

"Semoga usaha ini dapat memberi impak positif kepada socio ekonomi komuniti perikanan di sini dan dapat mengukuhkan keterjaminan makian negara," katanya.

itu sesi libat urus secara ringkas bersama komuniti perikanan setempat.

Sementara itu, Zainudin berharap semoga program pelepasan benih ikan ke perairan umum itu dapat menyumbang dalam melestarikan sumber

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

# Inisiatif bersepadu bantu pesawah bukan *ad hoc*

Oleh AHMAD  
**FADHLULLAH ADNAN**  
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan disarankan untuk mewujudkan satu mekanisme bersepadu bagi membantu menangani isu dalam kalangan pesawah padi seluruh negara dan bukan hanya inisiatif yang berbentuk *ad hoc* semata-mata.

Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Datuk Mazlan Aliman berkata, ini kerana umum mengetahui pesawah menjalankan aktiviti tanaman padi itu bukannya untuk mengaut keuntungan, tetapi bagi menjamin keselamatan makanan atau food security.

"Isu kenaikan input pertanian itu sememangnya sudah berlaku sejak sekian lama dan kita pun tahu masyarakat pesawah menjalankan aktiviti itu bukan muhu kaut untung."

"Mereka lebih kepada menjamin keselamatan makanan, maka muhu tidak muhu kerajaan kena beri bantuan dan tidak dinafikan beberapa bantuan sudah diberikan. Tetapi ia tak boleh sekadar bantuan, kena fikirkan penyelesaian untuk bantu pesawah padi terus bertahan."

"Sudah lah mereka berdepan harga input pertanian yang mahal, mereka juga berhadadepan cuaca ekstrem sama ada musim



MAZLAN ALIMAN

tengkujuh yang menyebabkan padi akan musnah atau musim panas yang menyebabkan padi boleh mati apabila ia berlanjutan tempoh lama," katanya.

Sehubungan itu, katanya, mekanisme yang bersepadu itu perlu diteliti segera bagi mengekalkan pesawah terus berdepan kenaikan kos input pertanian dan cuaca ekstrem yang boleh menjelaskan pendapatan mereka.

Lebih membimbangkan katanya, benih-benih padi juga kadangkala bermasalah sehingga menyebabkan serangan penyakit.

"Kalau diikutkan sesetengah

pesawah mereka macam tidak muhu buat bendang dah, tetapi (terpaksa) oleh kerana menganggur keselamatan makanan.

"Jadi perlu mekanisme itu supaya isu-isu yang membenggu masyarakat pesawah tidak berlarutan," katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan, kira-kira 248,000 pesawah seluruh negara didakwa terkesan akibat kenaikan input pertanian terutamanya harga racun dan baja yang meningkat antara 40 hingga 100 peratus sehingga menjelaskan pendapatan mereka.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Mohd. Fuad Yaacob berkata, kenaikan harga racun meningkat sejak 2020 tetapi boleh ditampung kerana kerajaan sebelum ini memberi bantuan subsidi percuma RM300 untuk sehektar padi.

Bagaimanapun katanya, bantuan tersebut menurun kepada RM200 untuk sehektar padi ketika ini sekali gus memberi kesan kepada pesawah untuk menampung kenaikan kos berkenaan. Katanya, ini kerana pesawah tetap perlu menampung pembelian tambahan barang berkenaan meskipun kerajaan memberi bantuan pada kadar RM300 sebelum ini, apatah lagi jika ia dikurangkan RM100.

Bakal beri hasil lumayan kepada pengusaha

# Cuaca terik, bunga harumanis lebat

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

**KANGAR** – Rata-rata pengusaha harumanis di sini berharap agar cuaca panas terik ketika ini berterusan kerana ia memberi kesan baik kepada bunga itu yang ketika ini memasuki pusingan kedua dan ketiga.

Menurut seorang pengusaha, Ramzi Che Man, 48, berkata, cuaca panas terik yang sedang melanda seluruh negeri ini membuatkan bunga harumanis berkembang dengan baik.


"Harumanis ini memerlukan cuaca panas terik untuk bunga berkembang seterusnya membentuk putik mangga yang lekat pada tangkai bunga untuk terus membesar dan matang.

"Sekiranya hujan turun ketika bunga berkembang, hampir semua bunga akan bertukar hitam dan gugur ke tanah seperti yang terjadi kepada kebanyakan pengusaha hujung Disember dan awal Januari lalu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

+ Harumanis adalah tanaman popular yang menjadi punca pendapatan penduduk Perlis dan dikatakan ia cukup menjadi disebabkan cuaca panas terik terutama pada musim monsun timur laut.

Jabatan Meterologi Malaysia (MetMalaysia) kelmarin menge luarkan laporan status El Nino Southern Oscillation yang menyatakan dalam tempoh 15 Mac hingga 20 Mac lalu, suhu harian tertinggi dicatatkan di negara ini adalah di Chuping dengan bacaan 36.7 derajat Celcius.

Seorang lagi pengusaha harumanis, Che Wa Izar, 35, berkata, dalam tempoh sehari dua ini, hujan mula turun di beberapa ka-



**CHE WA** membalut buah harumanis yang telah mencapai ukuran tertentu ketika ditemui di Kangar semalam.

wasan sekitar negeri ini.

Katanya, dia berharap cuaca semakin baik kerana bimbang kejadian di mana majoriti bunga harumanis gugur ditimpa hujan pada awal Januari lalu berulang.

Sementara itu, Presiden Pengusaha Harumanis Perlis, Datuk Hashim Suboh berkata, pengeluaran tahun ini dijangka menurun berbanding tahun lalu.

"Pengeluaran harumanis tahun ini dijangka menurun se-

hingga 40 peratus disebabkan keadaan cuaca tidak menentu walaupun tanaman itu berbunga secara berperingkat.

"Buah ini dijangka masuk ke pasaran pada minggu terakhir Ramadan, harganya di pasaran runcit dijangka tidak banyak berubah sekitar RM25 hingga RM45 bergantung kepada gred dan kaedah pemasaran seperti jualan online yang memerlukan kos tambahan," katanya.

# Misi graduan ekologi biodiversiti

*Aininaz Farm tanam sayur segar secara hidroponik persis di tanah tinggi Cameron Highlands*

NOR Aine memerluka tanaman di rumah hijau Aininaz Farm di Jalan Sungai Dua, Kampung Kuala Dior.

**Kuala Pilah**

D eretan pelbagai sayuran segar hidroponik di Aininaz Farm di Jalan Sungai Dua, Kampung Kuala Dior di sini, umpanya anda berada di Cameron Highlands dan pengunjung pasti berasa tenang kerana dapat menikmati kehijauan pokok di sekelilingnya.

Uniknya Aininaz Farm ini, pelanggan bukan sahaja boleh membeli sayur-sayuran segar, tetapi dapat belajar mengendalikan tanaman hidroponik dengan kaedah bersesuaian hasil tunjuk ajar usahawan mu- dia Nor Aine Jamaluddin, 24 tahun.

Mencebur bidang tanaman hidroponik ternyata memberi manfaat kepada siswazah lulusan Sarjana Muda Sains Ekologi Biodiversiti Universiti Ma- laya (UM) itu untuk mengembangkan kemahiran-nya sebagai petani muda moden yang kreatif serta berdaya saing.

"Teretusnya idea komersialkan tanaman hidroponik apabila Aininaz Farm memenangi pertandingan komuniti NS Fest tahun lalu, kemudian pegawai pertanian mendrong kami mengembangkan tanaman ini.

"Saya ambil peluang itu dan membuat permohonan-geran insentif siswazah ta- ni, ketubuan keluarga ada tanah untuk diusahakan.

RENIH tanaman hidroponik yang diusahakan Nor Aine.

NOR Aine melayan pengunjung yang melihat lebih dekat tanaman di Aininaz Farm.

Geran itu digunakan untuk bina infrastruktur serta mengkomersialkan tanaman hidroponik ini," katanya.

Katanya, terdapat 1,500 jenis sayur ditanam di rumah hijau berkeluasan 50x15 kaki persegi itu antaranya sawi putih, sawi bunga, sawi Cameron, kangkung, bayam dan serta salad yang kini mendapat permintaan tinggi di pasaran.

Mengakui bukan mudah untuk mendapat pekerjaan pada masa kini, Nor Aine bersyukur mempunyai keleluarga yang sentiasa menyokong dari segi wangan dan tenaga untuk merasakan impian menjadikan sayur-sayuran organik menerusi kaedah tanaman hidroponik.

Anak bongsu daripada lima beradik itu berkata, meskipun mendapat geran berjumlah RM10,000, abang dan kakaknya ba- nyak membantunya dari segi kewangan tambahan termasuk bersama membangun infrastruktur tanaman dilengkapi saliran air tanpa mengupah pihak lain.

Katanya projek hidroponik dimulakan pada September tahun lalu dan belum sayur pertama yang disemai pada 22 Oktober 2022, mencecah jualan RM5,000 dalam tempoh enam bulan.

Menurut Nor Aine, beliau memilih bekerja sendiri kerana yakin dengan potensi

**Racun buatan sendiri ini tidak bunuh sebaliknya hanya menghalau serangga**  
Nor Aine

perniagaan sayuran hidroponik yang mempunyai tarawar tinggi di pasaran serta budaya masyarakat yang memilih makanan organik untuk kekal sihat.

"Permintaan sangat tinggi daripada restoran, tetapi kami hanya mampu bekalkan mengikut jumlah yang ada, ini kerana perniagaan saya masih baharu. Namun, saya melihat potensinya besar dan akan kembangkan pada masa akan datang."

"Saya mahu berkongsi ilmu ekologi biodiversiti kepada masyarakat serta mengalakkkan orang ramai bertani kerana ia sesuai yang seronok dilakukan tanpa mengira umur," katanya yang berpuas hati dengan maklum balas pelanggan mengenai kesegaran sayurannya.

Katanya, Aininaz Farm menggunakan racun serangga organik yang diformulasikan sendiri iaitu berbeza dengan racun serangga kimia di pasaran kerana ia bukan sahaja menjaga tanaman, malah dapat melindungi serangga daripada mati akibat diracun.

"Maksudnya, racun buatan sendiri ini tidak membunuh sebaliknya hanya menghalau serangga, tetapi pemantauan perlu dibuat lebih kerap," katanya.

Selain itu, katanya, rumah hijau terbabit sedang dalam perancangan dikembangkan sebagai kawasan ekopelancongan memandangkan kawasan seluas 0.4 hektar itu berpotensi sebagai tapak perkhemahan cantik seperti di Cameron Highlands.

"Rata-rata pengunjung yang kali pertama berkunjung pasti menyangka kami menanam strawberry, mungkin kawasan ini seperti di Cameron Highlands, permukaan berbukit di tanah milik keluarga saya ini juga sesuai dijadikan tapak perkhemahan kerana dilengkung pokok hutan," katanya.

## Farm offers fresh produce, lessons in agriculture

KUALA PILAH: Seeing the various types of fresh hydroponic vegetables at Aininaz Farm and the view of the greenery in the area makes one feel like they are in Cameron Highlands.

The farm is located on Jalan Sungai Dua in Kampung Kuala Dioh and what is unique about it is that visitors can go there not only to buy fresh vegetables, but also to get lessons on hydroponic farming from 24-year-old entrepreneur Nor Aine Jamaluddin.

The graduate with a Bachelor of Science in biodiversity and ecology from Universiti Malaya ventured into hydroponic farming to develop her skills as a creative and competitive modern farmer.

"The idea to commercialise hydroponic plants came about when Aininaz Farm won the

NS Fest community agriculture competition last year and received encouragement from the officials to go commercial.

"I took the opportunity and applied for the incentive grant for graduates to venture into agriculture as my family has a piece of land that could be used for the purpose. I used the grant to set up my hydroponic farm."

She said there were 1,500 types of vegetables grown in a 50x15sq ft greenhouse.

They include mustard, kale, spinach and lettuce, which are in demand in the market. Nor Aine said she is thankful to have a family that supports her financially and provides the manpower she needs to realise her dream of growing organic hydroponic vegetables.

The youngest of five siblings said her brother and sister also helped out financially, despite

getting a grant for RM10,000 to set up the farm and its drainage system.

Nor Aine said she started the project in September last year and made RM5,000 in sales from her first crop.

She chose to be self-employed as she is confident in the potential of her hydroponic vegetable business. She said:

"I also want to share my knowledge of biodiversity ecology with the community and encourage people to plant their own vegetables," she said, adding that Aininaz Farm uses its own organic insecticides, which she formulated herself.

She is also planning to turn her greenhouse into an eco-tourism site, considering the 0.4ha area has the potential to become a campsite just like Cameron Highlands. — Bernama



Nor Aine with some of the 1,500 types of vegetables that she cultivates in her greenhouse. — BERNAMAPIC